



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**28 JULAI 2014**

## **KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, AHLI PARLIMEN PULAI BERHUBUNG KENAIKAN KADAR TOL DI TAMBAK JOHOR**

KUALA LUMPUR, 28 JULAI – Ahli Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan Mohamed tidak bersetuju dengan langkah kerajaan untuk menaikkan kadar tol Tambak Johor sehingga lebih 400 peratus berkuatkuasa 1 Ogos ini.

Sambil menyifatkan kadar tol baru itu, akan memberikan kesan kepada penduduk Johor yang bekerja di Singapura, Nur Jazlan mahu kerajaan menangguhkan dulu kenaikan kadar tol berkenaan sehingga satu kajian terperinci dilakukan.

“Saya sendiri tidak faham dengan alasan kenaikan kadar tol berkenaan yang jelas akan membebaskan rakyat Johor yang bekerja di Singapura sedangkan, mereka masih terpaksa melalui kesesakan lalu lintas yang teruk setiap hari.

“Selain itu, jika alasan kenaikan kadar tol berkenaan disebabkan pembinaan Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL), ia sesuatu yang tidak masuk akal memandangkan EDL adalah projek penswastan yang sepatutnya memberikan manfaat kepada rakyat bukannya dibebankan dengan kenaikan kadar tol,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), berkata EDL adalah projek penswastan dan seharusnya, kerajaan mendapat manfaat atas pembinaannya untuk disalurkan semula kepada rakyat bukannya, satu kaedah untuk syarikat swasta mengaut keuntungan daripada rakyat.

Beliau berkata, walaupun Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengumumkan mereka yang tidak melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar tidak dikenakan bayaran tol, tetapi ia juga tidak adil kepada mereka yang menggunakannya tetapi terpaksa menanggung kos pembinaan EDL.

“Ia bermakna pengguna lalu lintas yang menggunakan EDL tetapi tidak masuk ke Singapura dikecualikan daripada bayaran tol, mereka yang menggunakan lebu raya itu, terpaksa membayar tol dan secara langsung terpaksa menanggung kos pembinaan, jadi dimana keadilan di situ?,” katanya.

Nur Jazlan berkata, keputusan kerajaan yang mengumumkan akan mengenakan bayaran Permit Kemasukan Kenderaan (VEP) baru-baru ini, masih belum dapat diterima sepenuhnya rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

“Tiba-tiba, diumumkan pula kenaikan kadar tol di Tambak Johor dan dengan kemudahan infratstruktur di pintu masuk serta keluar KIK BSI yang masih belum mencapai tahap memuaskan, ia tidak memberikan sebarang justifikasi terhadap kenaikan kadar tol berkenaan,” katanya.